

Baja kompos sisa kelapa sawit

➔ Produk memiliki nutrien diperlukan tumbuhan, mempunyai kapasiti ikatan air yang tinggi

Oleh Mohd Khairul Anam Md Khairudin
khairul.anam@bh.com.my

➔ Gambang

Seperti yang diketahui umum, kelapa sawit antara tanaman pertanian terbesar di negara ini.

Sehubungan itu, penggunaan kelapa sawit di kilang untuk menghasilkan minyak secara besar-besaran pasti akan meninggalkan sisa tandan kosong dalam kuantiti besar.

Jika dilihat daripada jumlah buah sawit yang diproses, hanya 10 peratus dapat menghasilkan minyak, manakala 90 peratus lagi ialah sisa pertanian yang dikenali sebagai biomass.

Menyedari situasi itu, Malaysia Pahang (UMP), di sini, Dr Nor Hanuni Ramli @ Said mendapat inspirasi untuk menjalankan kajian mengenai penghasilan baja organik daripada sisa kilang kelapa sawit.

Penyarah Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sum-

ber Asli (FKKSA) itu berkata, penyelidikan dilakukan mampu mengatasi masalah pencemaran alam sekitar dan pengurusan sisa kilang kelapa sawit yang terdapat di sekitar universiti serta negeri berkenaan.

Berada di pasaran

"Kompos yang dihasilkan adalah 100 peratus organik menerusi kaedah pengomposan iaitu proses penguraian (pengoksidaan) sisa buangan organik kepada bahan akhir yang stabil dan boleh digunakan semula untuk tujuan tanaman.

"Aktiviti penguraian bahan ini dipengaruhi unsur mikroorganisma, penguraian, kelembapan dan nutrien atau bahan dikompos yang bersesuaian," katanya kepada *BH Varsiti*, baru-baru ini.

Berkongsi mengenai penyelidikan dijalankan, Dr Nor Hanuni berkata, baja kompos yang terhasil juga memiliki keperluan asas nutrien yang diperlukan oleh tumbuhan dan mempunyai kapasiti ikatan



Dr Nor Hanuni (kanan) menunjukkan tanaman bunga yang hidup subur menggunakan baja kompos daripada kelapa sawit.

(Pameran Pertanian, Hortikultur dan Pelancongan Agro) 2016.

"Kita lihat kesedaran masyarakat di negara ini terhadap produk organik terutama sumber makanan masih rendah berbanding dengan negara lain seperti United Kingdom, Amerika Syarikat dan Singapura," katanya.

Dr Nor Hanuni berkata, jika dilihat harga sayur dan buah organik yang dijual di negara maju adalah lebih

tinggi, malah sehingga tiga kali ganda berbanding di Malaysia.

"Oleh itu, penghasilan produk berasaskan organik ini dapat memberikan pendedahan dan mendidik masyarakat untuk menghasilkan sayur serta buah melalui penggunaan baja organik.

"Tidak dinafikan ada sebahagian produk kompos di pasaran tidak dapat dipastikan ketulenannya berikutan tindakan segelintir pengusaha yang menambah beberapa nutrien dari pada sumber bahan bukan organik ke dalam baja kompos yang dijual," katanya.

Beliau berharap supaya penggunaan bahan berasaskan organik dapat ditingkatkan dalam kalangan masyarakat, sekali gus menggalakkan budaya menanam sayur sendiri yang lebih sihat dan jimat, seterusnya membantu meningkatkan taraf ekonomi penduduk setempat.

GreenFertile Gro



Baja kompos 100 peratus organik.